

20 JUL 2001

Mahathir-Lawat

MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN SEHARI KE KELANTAN

KOTA BAHARU, 20 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa di sini pagi ini untuk lawatan sehari ke Kelantan.

Ketibaan Perdana Menteri yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada pukul 8.50 pagi dengan pesawat peribadinya disambut oleh Ketua Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed, pemimpin-pemimpin Umno, pegawai-pegawai kerajaan dan anggota Umno seluruh Kelantan.

Dr Mahathir dan isteri kemudiannya meninjau dan mendengar taklimat projek pembesaran terminal baru lapangan terbang itu.

Perdana Menteri kemudiannya merasmikan Program Celik IT dan mengadakan pertemuan dengan warga pendidik di Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian 2 di sini.

Pada pukul 12 tengah hari, Dr Mahathir akan menaiki bas menuju ke kawasan bebas cukai Pengkalan Kubor di Tumpat bagi lawatan ringkas ke pusat membeli belah terkenal itu sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Huda dan menghadiri pertemuan dengan pemimpin masyarakat di sebuah rumah di situ.

Perdana Menteri kemudiannya akan mengadakan pertemuan dengan anggota jawatankuasa Umno Bahagian Tumpat dan Rantau Panjang dan mengadakan lawatan ringkas ke pusat membeli-belah di pekan Rantau Panjang.

Pada sebelah malamnya Dr Mahathir akan bertemu dengan para ulama di Wadi Sofia iaitu kediaman Pengerusi dan Ketua Eksekutif KUB Datuk Hassan Harun.

Perdana Menteri dan isteri dijangka pulang ke ibu negara pada 11 malam.

Sementara itu Siti Hasmah yang mempunyai jadual berasingan akan melawat Hospital Kota Bharu pada pukul 11 pagi dan kemudiannya menghadiri jamuan tengah hari bersama Wanita dan Puteri Umno di Wadi Sofia.

-- BERNAMA

ZI RHM